

Perkenal J-Qaf pastikan murid celik al-Quran

PETALING JAYA: Program J-Qaf yang merupakan cetusan idea Perdana Menteri Kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi bagi memastikan supaya pelajar sekolah rendah celik al-Quran sebelum memasuki peringkat menengah.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, Abdullah mengambil serius berkenaan usul agama ketika Perhimpunan Agung UMNO 2004 berhubung anak-anak muda yang ketika itu tidak boleh membaca al-Quran.

Katanya, Abdullah atau Pak Lah selaku Perdana Menteri

mengarahkan satu program khas diperkenalkan dengan nama J-Qaf singkatan kepada pengajaran Jawi, Quran, Bahasa Arab asas dan Fardu Ain.

“Saya ingat lagi waktu itu hangat diperbahaskan di Perhimpunan Agung UMNO 2004, perihal dapatan kajian di PLKN ramai anak-anak muda yang masih tidak boleh membaca Al-Quran.

“Mengambil serius usul Agama PAU tersebut, Pak Lah selaku Perdana Menteri sendiri mengarahkan satu program khas diperkenalkan dengan nama J-Qaf singkatan kepada

pengajaran Jawi, Quran, Bahasa Arab asas dan Fardu Ain,” katanya dalam kenyataan Facebook.

Asyraf Wajdi yang juga Pengerusi Mara berkata, matlamatnya antara lain bagi memastikan anak-anak mulai diajar membaca dan wajib khatam al-Quran sebelum tamat tahun 6 sekolah rendah.

“Bermakna pengajian al-Quran secara sistematik diajar sebagai satu program khas dalam arus pendidikan perdana negara,” katanya.

Katanya, seramai lebih 40,000 siswazah pengajian

agama, bahasa Arab dari universiti-universiti dalam dan luar negara termasuk Mesir, Jordan Madinah, Yaman dan lain-lain diambil sebagai guru tanpa perlu melalui proses biasa seperti mempunyai sijil atau diploma pendidikan bagi mempercepatkan pelaksanaan program.

“Moga-moga jasa dan sumbangan besar Pak Lah menjadi asbab pahala jariah berpanjangan dan menempatkan Almarhum dalam kalangan para muttaqin. Al-Fatihah kita sedekahkan buat Almarhum,” katanya.